

# INOVASI DALAM KAEADAH PEMBELAJARAN HAFAZAN AL-QURAN MELALUI PENDEKATAN “QURAN SMART SELF HIFZ” (QSAH)

***INNOVATION IN THE METHOD OF LEARNING QURANIC MEMORIZATION THROUGH THE 'QURAN SMART SELF HIFZ' (QSAH) APPROACH***

Ahmad Rozaini Ali Hasan<sup>1\*</sup>

Shahril Nizam Zulkipli<sup>2</sup>

Nurul Khairiah Khalid<sup>3</sup>

Amin Che Ahmat<sup>4</sup>

Mukhammad Khafiz Abdul Basir<sup>5</sup>

<sup>1</sup>Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Malaysia.  
(E-mail: ahmad@uitm.edu.my)

<sup>2</sup>Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Perak Branch, Tapah, Campus, Malaysia.  
(Email:shah4107@uitm.edu.my)

<sup>3</sup>Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Malaysia.  
(E-mail: nkhairiah@uitm.edu.my)

<sup>4</sup>Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Perak Branch, Tapah, Campus, Malaysia.  
(E-mail: amin132@uitm.edu.my)

<sup>5</sup>Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Malaysia.  
(E-mail: khafiz@uitm.edu.my)

## Article history

**Received date** : 22-7-2024

**Revised date** : 23-7-2024

**Accepted date** : 15-8-2024

**Published date** : 30-8-2024

## To cite this document:

Ali Hasan, A. R., Zulkipli, S. N., Khalid, N. K., Che Ahmat, A. & Abdul Basir, M. K. (2024). Inovasi dalam kaedah pembelajaran hafazan Al-Quran melalui pendekatan “Quran Smart Self Hifz” (QSAH). *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 9 (65), 406 -412.

**Abstrak:** Amalan menghafaz al-Quran merupakan proses sesi pembelajaran yang berlaku dalam diri setiap penghafaz al-Quran. Pembelajaran hafazan al-Quran adalah merupakan aktiviti yang diwarisi daripada amalan Rasulullah SAW, para sahabat, tabien dan sehingga ke hari ini. Sesuai dengan perkara zaman sains dan teknologi aspek pembelajaran hafazan al-Quran turut mengalami perkembangan yang dapat membantu para pelajar untuk menghafaz a-Quran dengan lebih mudah dan mempunyai variasi dalam kaedah pembelajaran hafazan al-Quran. Oleh itu, kertas kerja ini bertujuan untuk menjelaskan proses pembangunan aplikasi pembelajaran hafazan al-Quran secara kendiri bagi pelajar-pelajar peringkat diploma yang memerlukan mereka untuk menghafaz ayat al-Quran daripada surah Yasin ayat satu hingga 20. Kertas kerja ini akan membincangkan proses pembinaan kaedah ini yang dinamakan “Quran Smart Self Hifz”. Melalui pembinaan QSAH telah berjaya menghasilkan satu kaedah pembelajaran hafazan al-Quran secara kendiri dengan memberikan panduan kepada pelajar dalam hafazan melalui lima fasa pembelajaran hafazan al-Quran. Pembinaan kaedah ini lebih khusus untuk pelajar dan boleh dipraktikkan oleh semua peringkat lapisan umur. Secara

keseluruhan penghasilan kaedah ini telah memberikan alternatif baru kepada pelajar dalam membantu untuk menghafaz al-Quran secara kendiri dengan lebih efisien dan sistematis.

**Kata kunci:** Hafazan, Al-Quran, Pembelajaran & Kendiri

**Abstract:** *The process of memorizing the Qur'an is a timeless tradition, passed down from the Prophet SAW, his Companions, the Tabien, and continues to this day. As we enter an age defined by rapid advances in science and technology, it is essential that methods of learning to memorize the Qur'an evolve to meet the needs of today's learners. This paper introduces the "Quran Smart Self Hifz" (QSAH) method, specifically designed to support diploma-level students in memorizing key Quranic verses, such as those from Surah Yasin (verses 1-20). By integrating QSAH, learners can now memorize the Qur'an independently through a structured, five-phase process. This method is not only tailored to the needs of students but is accessible to all age groups, offering a more efficient, systematic, and user-friendly approach to Quranic memorization. In a world where self-directed learning is increasingly important, QSAH represents a groundbreaking solution that empowers students to achieve their memorization goals with greater ease and effectiveness.*

**Keywords:** Hafazan, Al-Quran, Self-Learning

## Pengenalan

Al-Quran merupakan kitab rujukan utama dalam mendalami ajaran Islam. Mempelajari al-Quran menjadi keutamaan dalam silibus pengajian Islam. Tuntutan mempelajari al-Quran telah dinyatakan oleh Rasulullah SAW mengenai keutamaan membaca al-Quran. Antara amalan dalam menguasai al-Quran adalah melalui hafazan al-Quran yang merupakan sunnah yang diwarisi dari Rasulullah SAW dan diikuti oleh para sahabat dan tabien.

Pada zaman Rasulullah SAW para sahabat belajar terus daripada baginda sendiri melalui kaedah *talaqqi* dan *musyafahah* iaitu mempelajari secara pengambil terus daripada guru itu sendiri. Kesan daripada kaedah ini telah melahirkan umat Islam yang mampu menguasai al-Quran. Oleh itu, menurut Mohd Yusof Ahmad (2005) pada zaman awal Islam pelajar-pelajar telah menghafaz al-Quran dibenarkan untuk belajar di masjid. Faktor kekuatan ingatan yang dimiliki oleh bangsa Arab yang menerima Islam pada zaman itu memudahkan bagi mereka untuk menghafazn al-Quran (Ismail, 1990).

Proses pembelajaran hafazan al-Quran telah bermula dengan penurunan wahyu yang pertama iaitu surah al-Alaq ayat 1 hingga 5 yang bermaksud:

*Bacalah dengan (menyebut) nama Rabbmu yang telah menciptakan, Dia telah menciptakan manusia dari segumpal darah. Bacalah, dan Rabbmulah yang Maha Pemurah Yang mengajar dengan perantaraan pena, Dia mengajar kepada manusia apa yang tidak diketahuinya.*

Bermula penurunan ayat ini kaedah pengajaran dan pembelajaran al-Quran bermula dengan kaedah hafazan al-Quran. Pembelajaran ini berlaku melalui Jibrail a.s menjadi guru yang menyampaikan wahyu kepada Rasulullah SAW secara mulut ke mulut dengan memastikan bacaan dan sebutan pelajar itu betul dan tepat (Norhisam, 2019). Kaedah ini terus diamalkan oleh semua umat Islam hingga ke hari ini.

## Kajian literatur Perkembangan Hafazan Al-Quran

### Sejarah Perkembangan Pembelajaran Hafazan Al-Quran

Rasullah SAW adalah menjadi guru utama dan sumber rujukan para sahabat dalam menghafaz al-Quran. Dimana menurut Manna' al-Qattan (1999), al-Quran itu dikumpulkan melalui proses menghafaz al-Quran. Para sahabat menjadikan Rasulullah SAW sebagai qudwah atau contoh dalam setiap aspek khususnya dalam menghafaz al-Quran (Syarif Kamal, 2001). Oleh itu, proses menghafaz zaman baginda adalah berlaku terus menerus sahabat dengan Rasulullah SAW sendiri. Dalam mengajarkan al-Quran baginda telah memilih rumah baginda sendiri dan rumah al-Arqam bin Abi Arqam sebagai tempat belajar dan menghafaz al-Quran (Mohd Yusuf Ahmad, 2010).

Melalui kaedah talaqqi dan musyafahah sahabat dapat belajar terus dengan baginda. Terdapat beberapa strategi digunakan oleh baginda dalam mengajarkan al-Quran kepada sahabat iaitu secara sedikit demi sedikit dengan membaca dua hingga sepuluh ayat agar mudah sahabat menghafaz (Misnan, 2012). Terdapat juga sahabat yang menulis ayat-ayat al-Quran, namun ramai sahabat yang memilih untuk menghafaz al-Quran dari menulis (Mohd Yusuf Ahmad (2000). Senario ini adalah disebabkan sifat suka menghafaz khususnya dalam bangsa Arab yang mempunyai daya ingatan yang kuat dan kurang mahir membaca dan menulis (Manna' al-Qattan, 1992). Justeru keupayaan umat Islam untuk menghafaz al-Quran pada zaman awal Islam adalah menjadi kelebihan bagi mereka untuk menyebarkan al-Quran secara hafazan kepada generasi Islam seterusnya.

Amalan menghafaz al-Quran telah mula berkembang di alam Melayu melalui pendakwahan para pendakwah kepada penduduknya dengan amalan solat yang memerlukan hafazan surah al-Fatiha (Solahuddin, 2018). Seterusnya pengajian Islam diteruskan melalui rumah-rumah tuan guru dan pondok yang ada di tanah Melayu. Dalam konteks hafazan al-Quran di Malaysia, perkembangan hafazan al-Quran telah berkembang pesat khasnya melalui penubuhan Darul Quran pada tahun 1997 dan mempunyai kompleks yang tetap pada tahun 1998 di Kuala Kubu Bharu. Darul Quran telah menjadi institusi yang menjadi rujukan oleh institusi tahfiz diperingkat negeri. Pada masa kini, pembelajaran hafazan al-Quran telah dimasukkan dalam bidang pengajian di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia dan dalam sekolah-sekolah model *Ulul Albab*.

### Kaedah Talaqqi dan Musyafahah

Secara amnya pengajaran dan pembelajaran hafazan al-Quran adalah berteraskan kepada kaedah talaqqi dan musyafahah yang diwarisi dari sesi penurunan wahyu antara malaikat Jibril a.s dengan Rasulullah SAW. Dimana proses pengajaran dan pembelajaran berlaku secara terus antara guru dan pelajar. Menurut Abd al-Salam Muqbil al-Majidi (2000) terdapat tiga rukun dalam kaedah *talaqqi* dan *musyafahah* iaitu

- i. المتنقى iaitu pelajar
- ii. الملقى iaitu guru
- iii. الملقى iaitu ilmu atau al-Quran

Oleh itu, kaedah talaqqi dan musyafahah berlaku dalam sesi pertemuan pelajar dan guru. Dimana guru akan membaca dan pelajar akan mendengar dan mengikuti bacaan guru atau pelajar mendengarkan bacaan dengan guru dan guru perlu membetulkan kesilapan bacaan pelajar (Nik Ja'far bin Nik Ismail, 2004).

Kaedah ini telah digunakan oleh umat Islam dalam mempelajari al-Quran khususnya dalam bidang hafazan al-Quran. Daripada kaedah ini telah timbul beberapa kaedah yang dilakukan dalam proses menghafaz al-Quran iaitu Talaqqi, Musyafahah, Takrar seperti yang dianjurkan oleh al-Qabisi (Ahwani, Ahmad Fuad. 1955). Kaedah ini terus digunakan oleh institusi tahfiz dalam menghafaz al-Quran.

Kaedah-kaedah yang berbentuk tradisi ini menjadi teras dalam pembelajaran hafazan al-Quran. Metod yang diamalkan ini boleh dibantu melalui inovasi dalam pembelajaran hafazan al-Quran yang lebih kontemporari agar dapat disesuaikan dengan perkembangan dan perubahan pelajar pada hari ini. Oleh itu, terdapat beberapa pendekatan yang baru perlu dilakukan dalam pembelajaran hafazan al-Quran agar dapat memberikan pendekatan yang lebih semasa. Dapat dirumuskan beberapa kaedah tradisi yang digunakan oleh institusi tahfiz seperti rajah 1 dibawah:



**Rajah 1: Metod Hafazan Tradisional**

Sumber: Syed Najihudin et al., 2022


Secara umumnya, perkembangan kaedah pembelajaran hafazan al-Quran telah berkembang dengan kemunculan kaedah-kaedah pembelajaran hafazan al-Quran yang sesuai dengan perkembangan zaman seperti penggunaan teknologi ict. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Syed Najihudin et al. (2022), mendapati kepentingan inovasi dalam pembelajaran hafazan al-Quran perlu dipertingkatkan kerana terdapat banyak institusi tahfiz yang masih menggunakan kaedah secara tradisional dalam pembelajaran hafazan al-Quran.

### **Pendekatan Inovasi Dalam Hafazan Al-Quran**

Sesuai dengan perkembangan pendidikan yang dinamik, bidang hafazan turut mengalami proses dari aspek kaedah dalam menghafaz al-Quran. Terdapat beberapa aplikasi dalam teknologi maklumat yang dapat membantu dalam menghafaz al-Quran. Penggunaan aplikasi ini lebih menggunakan kaedah digital dalam menghafaz al-Quran secara kendiri. Penggunaan aplikasi ini membolehkan para pelajar menghafaz al-Quran dengan lebih mudah kerana tidak terikat faktor lokasi dan masa. Walaupun demikian, pergantungan kepada gajet turut memberikan kesan negatif kerana kos pembelian gajet di samping kos pembelian aplikasi yang diperlukan agar membolehkan pelajar memperoleh versi penuh sesbuah aplikasi. Selain itu, faktor capaian internet turut akan menganggu layaran aplikasi. Oleh itu, kertas kerja ini membawakan inovasi pembelajaran hafazan al-Quran secara kendiri melalui kaedah yang dinamakan “Quran Smart Self Hifz” ataupun singkatan QSAH1.0.

### Inovasi Pembelajaran Hafazan Al-Quran QSAH 1.0

Quran Smart-self Hafiz (QSAH) adalah modul pembelajaran hafazan al-Quran yang membolehkan pelajar-pelajar menghafaz ayat-ayat hafazan al-Quran secara kendiri. Secara umumnya, objektif modul ini bertujuan untuk memandu pelajar dalam pembelajaran hafazan al-Quran dengan cara yang bersistematis dan teratur. Di samping itu, melalui QSAH pelajar akan dapat memperkuuhkan hafazan dengan menulis semula ayat-ayat hafazan pada buku aktiviti yang disediakan dan objektif yang terakhir pelajar dapat menghafaz dengan bacaan yang betul dan tepat berdasarkan hukum tajwid dan wakaf yang betul.



Gambar 1: Muka depan QSAH

Pelaksanaan kaedah QSAH ini mempunyai lima fasa untuk dijalankan oleh pelajar secara kendiri. Fasa pertama ialah pra hafazan di mana pada tahap ini pelajar hanya didedahkan dengan ayat hafazan melalui pembacaan ayat-ayat al-Quran dan mendengar keseluruhan bacaan ayat-ayat hafazan al-Quran melalui rakaman bacaan qari al-Quran yang boleh diimbas melalui bar kod yang disediakan dalam buku aktiviti QSAH.

Bagi fasa kedua merupakan fasa yang penting kerana ini adalah proses hafazan iaitu pelajar berusaha untuk memasukan ayat-ayat hafazan dalam ingatan. Pelajar akan dibantu dengan mengingati ayat hafazan dengan teknik mengulang-ulang bacaan qari yang boleh diimbas dari bar kod yang disertakan seperti di gambar 2.



Gambar 2: Contoh Bar Kod QSAH

Proses seterusnya adalah fasa pengukuhan hafazan dimana pelajar dikehendaki mengulang-ulang hafazan secara menulis semula ayat-ayat hafazan dan juga memperdengarkan bacaan hafazan dihadapan rakan atau ibu bapa pelajar. Ini dapat mengukuhkan lagi ingatan hafazan pelajar. Fasa yang keempat adalah pentashihan hafazan. Hafazan pelajar perlu disahkan betul dan tepat oleh pensyarah. Oleh itu, pelajar perlu memperdengarkan semula hafazan dihadapan guru secara langsung. Kaedah ini bersesuaian dengan kaedah talaqi musyafahah yang dilakukan oleh para pelajar al-Quran sejak zaman Rasulullah SAW. Fasa yang terakhir adalah pelajar perlu mengamalkan bacaan hafazan mereka dengan membacakan ayat-ayat hafazan dalam solat fardhu atau sunat. Di samping itu, pelajar boleh menjadikan zikir harian dengan membacakan ayat hafazan. Di bawah seperti gambar 3 adalah rumusan proses pelaksanaan QSAH dalam buku aktiviti yang disediakan



Gambar 3: Rumusan Proses Pelaksanaan QSAH

### Kesimpulan

Pelaksanaan kaedah QSAH ini memerlukan kesediaan dan komitmen pelajar sendiri. Melalui pengenalan kaedah ini dapat membantu pelajar untuk menghafaz dengan lebih cepat dan menghasilkan hafazan yang mantap dan bacaan yang baik memenuhi hukum-hukum dalam tajwid.

## Rujukan

- Abd al-Salam Muqbil al-Majidi, 2000. *Talaqqi al-Nabiy Alfaz al-Quran al-Karim*. Beirut : Muassasah al-Risalah
- Ahwani, Ahmad Fuad. (1955). *At-tarbiah fil Islam aw attaclim fi ra'yil al-Qabisi*. Qahirah : Dar Ihya' al-Kutub al-A'rabiyyah.
- Haji Nik Ja'far bin Nik Ismail (2004). *Buku Qawaid Tarannum: Cara Berlagu*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Ismail Masyhuri (1990). *Fadhilat Membaca dan Menghafal Al-Quran*. Kuala Lumpur. Syarikat Nurul Has.
- Manna al-Qattan. (1992). *Mabahis fi culum al-Quran*. Beirut : Muassasah Ar-Risalah.
- Misnan Jemali, Ibrahim Hashim, Azmil Hashim, Abdul Kadir Arifin & Ishak Ismail. (2012). *Strategi pengajaran pendidikan Islam*. Tanjung Malim : Emiritus Publications.
- Mohd Yusof Ahmad (2005). *Konsep pendidikan Islam dan kepentingannya*. In:Pentadbiran dalam pembangunan pendidikan. Siri Panduan Guru . PTS Professional, Bentong, Pahang, pp. 370-380. ISBN 9833376452
- Norhisham Mohamed, Azmil Hashim, Wahyu Hidayat Abdullah, Muhammad Akramain Kamarul Zaman & Fatin Ardani Zamri. (2019). Kaedah talaqqi musyafahah dalam pengajaran al-Quran Wa al-Hafiz kurikulum dini SABK di Perak. International Journal of Education, Psychology and Counseling, 4(32).
- Syed Hassan, S. N., Mat Asa, S. N., Zamzuri, S. N. A., Zulkarnain, A. E., & Mohamad Zainuzi, N. I. H. (2022). Teknologi Maklumat Dan Inovasi Dalam Pembelajaran Tahfiz Quran. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 7(50), 122 - 132.